

# Sejarah Palestin dalam 10 Mukasurat



Islamic Knowledge

SPREADING THE LIGHT OF 'ILM

www.islamicknowledge.co.uk (coming soon)

Tarikh adalah hanya jangkaan

## Tarikh


3,000 SM

Kaum Kanaan, yang merupakan bangsa Semit, berhijrah ke Levant (kawasan Syria, Jordan, Iraq) dan menduduki Palestin. Jerusalem muncul sebagai bandar Kanaan

5,000 SM  
Kaum Ghassulian dan lain-lain berhijrah ke Palestin dan membangunkan kampung-kampung dan pelbagai hasil kraf

10,000 SM  
Bandar Jericho, (nama sekarang West Bank dimana terletaknya Jerusalem) diasaskan oleh kaum Natufian dari keturunan Arab

Adam AS membina Kaabah di Mekah. 40 tahun kemudian, Masjid al-Aqsa di Jerusalem dibina. Masjid bukanlah sekadar 'bangunan', tetapi sekeping tanah yang dipilih Allah untuk tujuan beribadah. Oleh itu, seluruh kawasan Al-Aqsa adalah kawasan beribadah kepada Allah



1,790 SM

Ibrahim AS dan anak saudaranya Lut AS berhijrah ke Palestin (Kanaan) dari Ur, yang terletak di Iraq, yang berada di bawah jajahan empayar Babylon. Kemudian, Lut AS diarahkan ke Sodom dan Gomorrah, di Jerusalem Timur. Cucu Ibrahim AS, Ya'qub (atau nama lainnya Israel), anak kepada Ishaq AS berhijrah ke Mesir atas permintaan anaknya, Yusuf AS.

1,500 SM  
Palestin jatuh di bawah pemerintahan Mesir. Firaun memperhambakan keturunan Ibrahim AS yang menetap di Mesir selepas penghijrahan Ya'qub AS ke Mesir

1,203 SM  
Musa AS memimpin keturunan Ya'qub AS (Banu Israel) dari Mesir, melarikan diri dari Firaun, ke Palestin. Banu Israel enggan masuk ke Palestin kerana takut akan kekuatan kaum Kanaan di Palestin. Mereka berada dalam buangan selama 40 tahun.



1,157 BC

1,025 BC

1,018 SM

Selepas berada di dalam buangan selama 40 tahun, Banu Israel menawan Kota Jerusalem daripada Kanaan di bawah pimpinan Yusha' bin Nun AS. Palestin kini dibahagikan kepada 12 suku kaum. Mereka masih menerima tentangan daripada saki-baki kaum Kanaan dan kaum Filistin yang berada berdekatan persisiran pantai barat Palestin

12 suku kaum Bani Israel ini bernaung di bawah Raja Talut (Saul) sebagai raja pertama. Mereka bertempur dengan kaum Filistin. Jalut, pahlawan Filistin yang perkasa, dibunuh oleh pengembara dari kaum Israel Dawud AS yang kemudiannya menjadi Raja

Dawud AS yang menjadi raja kedua kaum Israel menuju ke Jerusalem, yang berada di bawah pemerintahan kaum Yebusi, salah satu suku kaum Kanaan. Daud AS mengalahkan mereka lalu menakluki Jerusalem. Baginda membina sebuah masjid didalam kawasan Masjid al-Aqsa (yang merangkumi keseluruhan kawasan yang luas), yang pada asalnya telah ditetapkan oleh Adam AS. Yahudi menggelar ia sebagai 'kuil'.

550 BC

586 BC

722 BC


978 BC

Raja Cyrus Agung, yang memerintah Empayar Persia, mengalahkan Empayar Babylon dan semua wilayah Babylon, termasuk Palestin. Raja Cyrus membenarkan Banu Israel kembali ke Jerusalem. Sebahagian mereka kembali, yang lain-lainnya terus menetap di Persia.

Kumpulan Banu Israel di bawah Kerajaan Judea (Selatan) jatuh ke dalam kesyirikan dan penyembahan berhala. Raja Babylon (satu kawasan yang kininya Iraq) bernama Nebuchednezzar, telah menyerang Kerajaan Judea and menawan Jerusalem. Dia memusnahkan kuil dan membawa pulang tawanan ke Babylon.

Melihat kepada perpecahan Banu Israel, kaum Assyria mengambil kesempatan dan menakluki Kerajaan Samaria di Utara

Setelah kewafatan Dawud AS, Sulaiman AS menjadi raja. Baginda menyempurnakan masjid Dawud AS. Yahudi mempercayai bahawa ini adalah rumah Tuhan yang pertama dan menggelnarnya 'kuil'. Oleh itu, mereka rasa sangat terikat dengannya. Selepas Sulaiman AS, 12 suku kamu Banu Israel berpecah kepada 2 kawasan: Kerajaan Samaria di Utara dan Kerajaan Judea di Selatan. Jerusalem adalah ibu kota Kerajaan Judea.



**538 BC**

Raja Darius yang memerintah Empayar Persia, membenarkan pembinaan Kuil Kedua. Raja Darius malah memperuntukkan bantuan kewangan. Pembinaan semula ini diketuai oleh gabenor Judea, Zerubbabel.

**333 BC**

Alexander Agung mengembara ke timur dari Greece untuk menawan Empayar Persia dan memperoleh kekuasaan terhadap Jerusalem. Alexander Agung meninggal dunia pada umur yang muda, dan Ptolemaic mengambil alih Mesir manakala Seleucid mengambil alih kawasan di Palestin, Jordan, Syria & Iraq

**264 BC**

Rom mula mara ke Timur, mengambil alih kekuasaan ke atas Afrika Utara - iaitu pada masa kini Tunisia.

**164 BC**

Banu Israel (Yahudi Hasmonean) memberontak terhadap Seleucid dalam Pemberontakan Maccabean. Mereka menawan semula Jerusalem dan membentuk Kerajaan Hasmonean. Namun pertelingkahan dalaman bermula di kalangan Banu Israel.

**0 BC**

Kelahiran Nabi Isa AS. Namun, Banu Israel menolak baginda. Mereka berjumpa gabenor Rom, Pontius Pilate untuk menghasut supaya Nabi Isa AS 'disalib' - namun itu hanya sangkaan mereka

**37 BC**

Rom melantik Herod, seorang muafak Yahudi, untuk memantau Jerusalem. Dia membesarkan Masjid (yang dipanggil 'Kuil Herod) secara besar-besaran. Dia meletakkan helang pada pintu masuk untuk mengambil hati Rom.

**63 BC**

Rom di bawah Maharaja Pompey menakluki Jerusalem. Judea (tempat Masjid al-Aqsa berada) pada masa ini menjadi sebahagian Republik Rom.

**66**

Banu Israel memberontak terhadap Rom di Palestin. Selepas beberapa bulan pertempuran, Vespasianus dan Titus menghancurkan pemberontakan dan meratakan keseluruhan Jerusalem. Kuil Herod dimusnahkan dan Banu Israel dihalau.

**320**

Maharaja Rom Empayar Timur /Byzantine iaitu Constantine menganut agama Kristian (Empayar Roman pada masa ini terbahagi kepada Empayar Barat dan Timur). Jerusalem ditadbir oleh penganut Kristian. Penganiayaan terhadap Yahudi bermula semasa pihak Kristian memerintah Palestin selama 300 tahun.

**570**

**Kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alayhi Wasallam**

**637**

Khalifah Muslim kedua, Umar RA telah menawan sebahagian besar Persia dan pada masa ini menawan Jerusalem. Dia bertemu Sophronius, menandatangani perjanjian dan membersihkan Masjid al-Aqsa (iaitu keseluruhan kawasan)

**624**

Heraclius, Maharaja Byzantine menawan semula Jerusalem dari Persia sebagaimana yang dihabarkan didalam al-Quran dalam Surah ar-Rum. Yahudi sekali lagi menghadapi penganiayaan. Sophronius, seorang paderi yang alim, menjadi Penguasa Jerusalem.

**614**

Empayar Persia semakin kuat, dan menyerang serta menawan Jerusalem. Mereka memusnahkannya sama sekali dan 'True Cross' dibawa ke Persia. Yahudi pada masa ini sekali lagi melakukan penganiayaan terhadap penganut Kristian.



1099

Semasa pemerintahan kerajaan Islam, orang Kristian Eropah dibenarkan melawat kawasan-kawasan suci. Walaubagaimanapun, Al-Hakim, seorang khalifah Fatimid mula membunuh orang Kristian dan memusnahkan Gereja Holy Sepulchre. Pope Urban II memanggil orang Kristian untuk memerangi orang Islam dan menakluk semula Jerusalem, dengan menjanjikan syurga. Orang Byzantine menyertai orang Eropah and inilah Perang Salib Pertama. Mereka memasuki Jerusalem melalui Masjid al-Aqsa, dan membunuh semua orang. Mereka menubuhkan sebuah negeri bernama First Kingdom. Mereka juga mula membunuh orang Yahudi.

1114

Nur al-Din Zenghi, dari Dinasti Zenghid yang memerintah bagi pihak Empayar Seljuk, menakluk semula Aleppo dan Edessa di Syria. Ini menyebabkan Perang Salib Kedua, diketuai oleh King Louis VII dari Perancis dan King Conrad III dari Jerman. Namun mereka gagal menakluk kembali Aleppo dan telah dihantar pulang.

1187

Setelah menyatukan umat Islam, Salahuddin al-Ayyubi mengalahkan tentera salib dan menawan semula Jerusalem di dalam peperangan Hatin.

1192

Perang Salib Ketiga yang banyak diketuai oleh King Richard I dari England membawa kepada satu siri peperangan dengan Salahuddin, akhirnya berakhir dengan perjanjian damai. Salahuddin meninggal dunia dan Dinasti Ayyubid selepas beliau setuju untuk menyediakan sebuah Second Kingdom untuk orang Eropah di Palestin dengan Acre sebagai ibu negerinya.

1453

Sultan Mehmed II dari Empayar Uthmaniyyah mengalahkan Byzantine dan menawan Istanbul (Constantinople). Ini menamatkan seluruhnya Empayar Rom Timur (Byzantine), yang lebih berkuasa berbanding Empayar Barat.

1291

Selepas 3 lagi kegagalan Perang Salib oleh orang Eropah, Mamluk mengambil sepenuhnya Acre, tapak terakhir tentera salib.

1258

Orang Mongolia mengalahkan Baghdad, membuka jalan untuk menawan Palestin. Walaubagaimanapun, pada tahun 1260, dalam Perang Ain Jalut, Mamluk Mesir (pewaris Dinasti Ayyubid) mengalahkan Mongolia dan mengawal Palestin.

1517

Empayar Uthmaniyyah mengalahkan Mamluk dan mengambil alih Palestin. Orang Yahudi yang dianiaya oleh Mamluk Burji, diberikan pengampunan oleh Uthmaniyyah. Orang Yahudi teraniaya di Eropah ketika wabak hitam, juga mendapat pengampunan oleh Uthmaniyyah menyebabkan sebahagian mereka berpindah ke situ. Sulayman membina dinding-dinding indah mengelilingi Jerusalem.

1683

Uthmaniyyah gagal dalam cubaan kedua untuk menawan Vienna. Empayar mula mengalami kemerosotan.

1789

Revolusi Perancis berlaku, negara-negara Eropah membangun dan Protestantisme meningkat. Orang Yahudi digalakkan kembali ke Eropah. Di Russia dan sebahagian Poland yang dikuasai Russia, permusuhan terhadap orang Yahudi sangat tinggi. Orang Yahudi dibunuh dalam 'pogroms' di seluruh Eropah.

1879 CE

Dengan meningkatnya pogram (pembunuhan orang Yahudi), kebencian terhadap orang Yahudi diberi nama 'anti-semitisme'.

1875

Nasionalisme berkembang di kalangan orang Arab, tidak puas hati dengan pemerintahan Uthmaniyyah. Parti nasionalis Arab yang pertama terbentuk. Negara-negara Eropah berharap untuk pecah dan perintah.

1830

Negara-negara Eropah mula mengambil sebahagian daripada Empayar Uthmaniyyah. Perancis mengambil Algeria Uthmaniyyah, Itali menakluk Libya.

# 1881 CE

'pogrom' (pembunuhan orang Yahudi) berterusan di Rusia dan Romania. Banyak kumpulan yang dipanggil 'Lovers of Zion' muncul di Romania dan Rusia. Mereka mahukan pemerintahan Yahudi sendiri



# 1888 CE

Uthmaniyyah membahagikan Palestin kepada tiga kawasan: Acre, Nablus dan Jerusalem. Empayar Uthmaniyyah mahu mengawasi Jerusalem dengan teliti untuk mengelakkan campur tangan Eropah.



# 1890

Disebabkan penganiayaan berterusan di Eropah, ramai orang Yahudi meninggalkan Eropah ke Maghribi, Turki, Kanada, Amerika. Sebilangan kecil minoriti berhijrah ke Palestin.




# 1896 CE

Wartawan Austria Theodore Herzl, seorang Yahudi yang tidak beragama, mengasaskan gerakan Zionis. Satu-satunya penyelesaian yang dia rasa ialah dengan menubuhkan negara Yahudi. Dia memerlukan satu kerajaan untuk menaja perjuangannya. Orang Yahudi merasakan bahawa satu-satunya cara untuk menangani antisemitisme adalah dengan menubuhkan sebuah negara untuk orang Yahudi di tanah di mana Bani Israel pernah tinggal; Palestin.




# 1902 CE

Selepas tidak mendapat kejayaan dengan Jerman, Herzl cuba memenangi hati British. Beliau bercakap dengan Perdana Menteri James Balfour dan menerangkan bagaimana Zionisme akan berkhidmat untuk imperialisme British di Timur Tengah. British tahu ini juga akan menghadkan penghijrahan Yahudi ke Britain.



# 1901 CE

Herzl menulis terus kepada Sultan Abdul Hamid II, menyatakan bahawa jika orang Yahudi menetap di Palestin, orang Yahudi akan membayar semua hutang Empayar. Beliau menjawab "Saya lebih rela badan saya dibedah menjadi kepingan kecil daripada menyerahkan Palestin". Dana Negara Yahudi (JNF) ditubuhkan, dibiayai oleh Rothschilds. Tujuannya adalah untuk membeli tanah Palestin.



# 1897 CE

Kongres Zionis yang pertama berlaku di Basle. Mereka membentuk Pertubuhan Zionis Sedunia dan mempertimbangkan dua tanah untuk orang Yahudi; Palestin dan Argentina. Orang Yahudi Eropah Timur (Rusia) menegaskan ia mesti Palestin. 'Zion' bermaksud kawasan Kuil Solomon. Sekitar waktu ini, Israel Zangwill mencipta istilah "A land without a people for a people without a land". Dia kemudiannya mengakui tanah itu sudah menjadi milik orang lain.



# 1903 CE

Britain yang tidak mahu sebarang penghijrahan orang Yahudi ke Britain, mencadangkan Uganda, Cyprus dan Sinai Mesir sebagai pilihan bagi orang Yahudi. Ini dikenali sebagai Skim Afrika Timur. Mereka menolaknya dan menuntut Palestin. Ramai Rabbi tidak berpuas hati dengan Zionisme, mereka percaya bahawa kembali ke Palestin hanya boleh berlaku melalui campur tangan ilahi dan menganggap Zionisme sebagai sesat.



# 1904 CE

Theodore Herzl meninggal dunia, digantikan oleh Dr Chaim Weizmann, seorang Yahudi Rusia. Seperti kebanyakan orang Yahudi Rusia, hatinya tetap pada Palestin. Dia bertemu PM British Balfour. Dia membina persahabatan yang kuat dengannya.



# 1908 CE

Revolusi Turki Muda menuntut pemulihan perlembagaan dan cuba untuk menjatuhkan Sultan Abdul Hamid dari Uthmaniyyah



# 1914 CE

Perang Dunia 1 bermula. Turki masuk sebagai sekutu Jerman. Zionis yang sangat mahukan Palestin, meyakinkan British bahawa mereka akan menjadi pos luar untuk kepentingan British di rantau itu. Weizmann menawarkan dirinya dan Zionisme untuk usaha perang British, mengharapkan Britain akan memberi ganjaran kepada mereka dengan pengisytiharan sokongan politik untuk Zionisme. British telah menjanjikan perkara yang sama kepada nasionalis Arab, seperti Sharif Hussein, jika mereka memberontak terhadap Uthmaniyyah.



# 1909 CE

Golongan nasionalis Turki Muda menggulingkan Sultan Abdul Hamid II. Weizmann tahu ini adalah peluangnya untuk membangkitkan isu Zionisme.




# 1916 CE

Selepas Eropah mengalahkan Jerman dan sekutunya, Perjanjian Sykes-Picot di sahkan (ratifikasikan). Pihak Eropah memecahkan wilayah-wilayah Ottoman (Uthmaniyah). Britain akan menduduki Iraq dan dari Mesir ke Timur Palestin. Perancis akan menduduki Lubnan, Syria. Palestin di janjikan kepada pihak Zionis. Pihak nasionalis Arab menyangkakan mereka akan memiliki Palestin.



# 1917 CE

Pengisytiharan Balfour di tulis oleh Setiausaha Luar Negara British dan mantan Perdana Menteri, James Balfour. Ini adalah sebulan sebelum pihak Ottoman (Uthmaniyah) menyerahkan Jerusalem (Baitul Maqdis). Dalam 67 perkataan, Balfour menyatakan bagaimana Britain akan membantu projek Zionis untuk menempatkan Yahudi di Palestin.



# 1919 CE

Laporan Pesuruhjaya King-Crane telah di keluarkan di mana rakyat Palestin di tanya bagaimana mereka mahukan di perintah. Maklumbalas rakyat Palestin adalah jelas: kejayaan Zionis akan bermakna perhambaan orang Arab. 90% daripada Palestin adalah bukan-Yahudi.



# 1929 CE

Peristiwa Tembok Buraq (Tembok Ratanan) berlaku di Palestin yang di mandat British. Rakyat Yahudi yang duduk di Palestin berarak kearah Tembok Barat – yang di rujuk oleh pihak Muslim sebagai Tembok Buraq di mana Nabi Muhammad SAW meninggalkan peralatan perjalanannya sewaktu Al-Isra' – mereka berteriak "Tembok kepunyaan kami". Yahudi percaya Tembok itu adalah bahagian yang ulong tertinggal daripada kuil Nabi Sulaiman AS (Haikal Sulaiman). Rusuhan meletus di seluruh Palestin di sebabkan peristiwa itu, mengakibatkan 100 kematian di kedua belah pihak. Pihak British menuduh pihak Palestin. Suruhanjaya Siasatan Antarabangsa pada 1930 memutuskan bahawa Tembok itu kepunyaan pihak Muslim.



# 1922 CE

Britain mengeluarkan kenyataan Kertas Putih menjelaskan Pengisytiharan Balfour dan tidak bermakna pihak Zionis akan mendapat kuasa di Palestin. Tetapi, sebaliknya, mereka akan tinggal disana sebagai pelarian.



# 1935 CE

Holocaust (Pembunuhan beramai-ramai Yahudi) oleh Nazi Jerman bermula apabila Zionis meneruskan pengambilan tanahair Palestin di bawah mandat British. Berasa kecewa, rakyat Palestin mengisytiharkan mogok am dan pemberontakan terhadap pihak British selama 3 tahun. Lebih daripada 4,500 rakyat Palestin terkorban termasuk ramai pemimpin.



# 1938 CE

Persidangan Evian diadakan oleh pihak Bersekutu bagi berbincang dimana pelarian Yahudi dari Jerman boleh pergi. Pihak Zionis memulakannya disebabkan mereka tidak mahu Yahudi pergi kemana-mana selain Palestin.



# 1939 CE

Bagi menenangkan rakyat Palestin yang menderita oleh penganiayaan Zionis, pihak British mengeluarkan sebuah Kertas Putih dimana mereka menawarkan untuk mengurangkan penghijrahan Yahudi ke Palestin. Pihak Zionis sekarang mula membuat serangan terhadap pihak Palestin dan British. Irgun dan Haganah, dua militia Zionis memulakan pengeboman dan membunuh rakyat Palestin dan British, termasuk Lord Moyne. Semakin banyak Yahudi terus menetap di Palestin. Mereka sekarang mewakili 30% daripada penduduk Palestin. Sementara itu holocaust di Nazi Jerman berterusan. Dengan Perang Dunia 1 memberi mereka Pengisytiharan Balfour, pihak Zionis percaya Perang Dunia 2 akan memberi mereka negara.



# 1944 CE

Pihak Zionis menyerang bangunan-bangunan kerajaan British dan cuba membunuh Pesuruhjaya Tinggi British Sir Harold McMichael. Selepas pembunuhan Lord Moyne dan serangan bertubi-tubi Zionis, Winston Churchill, menyatakan kebimbangan sokongan oleh pihak British terhadap Zionisma dalam House of Commons.



# 1940 CE

Pihak Zionis meyakinkan Britain untuk mengangkat satu Batalion Yahudi sebagai sebahagian tentera British. Mereka di latih dengan piawaiian militari yang tinggi oleh pihak British. Dalam tahun 1941, militia Haganah, dengan bantuan pihak British, membentuk Palmach, sebuah unit komando 32,000 Yahudi yang di latih oleh Tentera British.



**1946 CE**

Militia-militia Zionis megebom 11 jambatan dalam sehari, memutuskan perhubungan antara Palestin dan Trans-Jordan, Syria, Lubnan dan Sinai. Militia Irgun Zionis megebom Hotel King David (Ibu Pejabat British) di Jerusalem (Baitul Maqdis) membunuh 92 orang. Amerika Syarikat juga menekan Britain supaya memberi kelonggaran sekatan penghijrahan Yahudi ke Palestin.

**4 Januari 1947**

Pembunuhan beramai-ramai Jaffa berlaku. 26 rakyat Palestin terbunuh.

**Jan-Julai 1947 CE**

Pihak Zionis membunuh lebih dari 20 tentera British. Pihak British memohon bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) yang baru di bentuk, tetapi pihak Zionis meneruskan kekejaman mereka, membunuh Clifford Martin dan Marvin Paice, dua orang Sarjan British. Mereka kemudian menggantung mayat mereka serta meletakkan perangkap samar.

**November 1947 CE**


Pihak Zionis melobi Amerika Syarikat untuk membentuk sebuah negara Yahudi dan seterusnya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang baru di tubuhkan (ditubuhkan terutama oleh pihak British dan AS) mengemukakan rancangan untuk pembahagian. Yahudi akan diberi 55% Palestin walaupun mereka merupakan hanya 37% penduduk dan waktu itu memiliki hanya 7% tanah. Pembahagian PBB meletakkan Tebing Barat (Baitul Maqdis/Jerusalem adalah di dalam Tebing Barat) untuk Yahudi dan Semenanjung Gaza untuk pihak Palestin. Pihak Arab geram dengan keputusan ini dan memohon mahkamah antarabangsa untuk menentukan bagaimana pembahagian PBB itu sah.

**Ogos 1947**

Pihak British mengumumkan akan meninggalkan Palestin dalam bulan November.

**12 December 1947**

Pembunuhan besar-besaran Haifa berlaku. 55 rakyat Palestin di bunuh pihak Zionis.

**18 December 1947 CE**

5 kanak-kanak Palestin di bunuh di perkampungan Qazaza apabila pengganas-pengganas Zionis megebom kediaman ketua kampung.

**19 December 1947**

2 buah kereta pengganas-pengganas Haganah merempuh perkampungan Palestin Khisas dan menembak dengan mesingan membunuh 10 orang Palestin.

**13 December 1947**

Pembunuhan besar-besaran Yaheda berlaku. 19 rakyat Palestin di bunuh pihak Zionis.

**14 April 1948**

Militia Lehi dan Irgun masuk kedalam perkampungan Naser al-Din berpakaian Palestin. Mereka membunuh semua penduduk kampung kecuali 40 orang dan meratakan ketanah kampung itu.

**10 April 1948**

Pembunuhan besar-besaran Deir Yassin berlaku dalam bulan April. Militia Irgun membunuh 250 rakyat Palestin. Kejadian-kejadian ini di besar-besarkan pihak Zionis untuk menakutkan pihak Palestin, menggalakkan banyak daripada mereka untuk meninggalkan Palestin.

**1 Januari 1948**

200 pengganas Zionis bersenjatakan bom tangan dan mesingan menyelina masuk perkampungan kecil al-Sheikh waktu malam. Mereka membunuh 40 penduduk kampung itu.

**14 Mei 1948**

Diketahui oleh David Ben-Gurion, sekumpulan penganas Zionis mengisytiharkan kelahiran negara Israel



**20 Mei 1948**

PBB melantik Count Folk Benadotte sebagai orang tengah antara Israel dan Palestin. Dia memutuskan bahawa rakyat Palestin dianiaya. Dia dibunuh dengan cepat oleh militia Zionis, Lehi (Geng Stern).



**21 Mei 1948**

Zionis mengepung kampung Beit Daras dan membunuh wanita dan kanak-kanak dengan kejam.



**15 Mei 1948**

Pembunuhan beramai-ramai berlaku. 200 rakyat Palestine terbunuh.



**11 Julai 1948**

Batalion Komando ke-89 Israel yang diketuai oleh Moshe Dayan menduduki Lydda untuk membalas dendam atas kematian beberapa askar Israel. Mereka memberitahu warga lelaki Palestin bahawa mereka akan selamat jika mereka berpindah ke Masjid Dahmash, tetapi sebaik sahaja orang Palestin berpindah ke sana, 80-100 dibunuh beramai-ramai. Tubuh mereka dibiarkan reput selama 10 hari.



**29 Oktober 1948**

Zionis menyembelih wanita dan kanak-kanak di kampung Dawayma. Untuk membunuh kanak-kanak itu, mereka mematahkan kepala mereka dengan kayu. Individu yang melakukan kekejaman ini menjadi pemimpin negara Zionis.



**31 Oktober 1948**

Pembunuhan beramai-ramai Hulu berlaku. 85 rakyat Palestin dibunuh oleh Zionis.



**1948**

Selepas pengumuman Israel, dan kecewa dengan resolusi PBB 1947, gabungan pasukan tentera Arab dari Mesir, Jordan dan Syria berarak ke Palestin. Tentera Israel, yang jauh lebih dilengkapi dan dilatih oleh British dalam Perang Dunia ke-2 memusnahkan pasukan itu dengan mudah. Daripada 55%, mereka kini menduduki 78% daripada Palestin. Hanya Tebing Barat (yang diambil oleh Jordan) dan jalur Gaza (yang diambil oleh Mesir) masih tidak dalam kawalan mereka. 700,000 rakyat Palestin dijadikan pelarian. Pembersihan etnik ini dirujuk sebagai 'Al-Nakhbah' (malapetaka)



**1950**

Israel melaksanakan Undang-Undang Kembali yang memberikan hak automatik kewarganegaraan Israel kepada semua orang Yahudi dari seluruh pelusuk dunia. Israel membina penempatan untuk orang Yahudi. Rakyat Palestin tidak dapat pulang ke rumah mereka selepas 'Al-Nakhbah' walaupun resolusi PBB menguatkuasakan perkara itu. Undang-undang ini dianggap sebagai undang-undang apartheid.



**7 Februari 1951**

Pembunuhan beramai-ramai di Sharafat. Zionis Israel memasuki perkampungan Sharafat dan membunuh 10 rakyat Palestin dan rumah di musnah. Di Palestin, terdapat sekatan ke atas pergerakan dan pekerjaan untuk rakyat Palestin.



**1964**

Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) ditubuhkan di bawah naungan Liga Arab



**29 Oktober 1956**

Pembunuhan beramai-ramai Kafr Qasem berlaku. Selepas menukar masa perintah berkurung secara tiba-tiba, Zionis membunuh 43 lelaki yang pulang dari kerja.



**14 Oktober 1953**

Pembunuhan beramai-ramai Qibya dilakukan oleh Unit Komando Ariel Sharon 101. Mereka memasuki perkampungan Qibya dan membunuh 75 lelaki, wanita dan kanak-kanak.



## 13 November 1966

Di dalam pembunuhan beramai-ramai al-Sammou, Zionis memusnahkan 125 rumah di al-Sammou dan membunuh 18 rakyat Palestin.

## 13 November 1967

Perang Enam Hari. Dengan kehadiran Tentera Mesir semakin meningkat di wilayah Sinai, Israel menyerang Mesir. Dalam 6 hari, Israel mengalahkan Mesir dan negara-negara Arab, dan menggabungkan Tebing Barat (Jerusalem berada dalam Tebing Barat) dan jalur Gaza. Sebuah Resolusi PBB dikeluarkan untuk mengarahkan Israel memberikan kembali tanah yang diambil secara haram tetapi mereka tidak mematuhi. Tebing Barat mempunyai lebih 1 juta rakyat Palestin. 350,000 telah diusir apabila peneroka masuk.

## 21 Ogos 1968

Masjid Al-Aqsa dibakar oleh seorang pendatang Zionis dan seluruh sayap selatan dibakar, termasuk mimbar berharga Salahuddin al-Ayyubi.

## September 1978

Anwar Sadat menandatangani Perjanjian Damai dengan Israel menamatkan pencerobohan antara Israel dan Mesir. Bagaimanapun, ini hanyalah perjanjian antara Mesir dan Israel dan hanya bermakna Mesir tidak lagi boleh campur tangan dalam pembersihan etnik Palestin. Sadat dilabelkan sebagai pengkhianat oleh orang Mesir dan dia dibunuh.

## 15 Mac 1978

Zionis sentiasa mahu Lubnan Selatan menjadi milik mereka. Jadi, Israel menggalakkan militia Kristian untuk menduduki perkampungan Muslim di Lubnan, apabila rakyat Palestin bertindak balas dengan membunuh 34 orang Yahudi di Tel Aviv, Israel mempunyai alasan yang sempurna untuk menyerang Lubnan.

## 21 Ogos 1973

Perang Yom Kipur berlaku. Anwar Sadat, Presiden Mesir, kecewa dengan Israel yang tidak mengikut Resolusi PBB 1967 untuk memberikan kembali tanah yang dilampirkannya dalam Perang Enam Hari, melancarkan serangan mengejut ke atas Israel. Tetapi Ariel Sharon berjaya mengundurkannya tentera Mesir dengan menghantar tentera Israel ke Kaerah. 15,000 orang Arab dan 2,000 orang Israel terbunuh. AS campur tangan.

## 1981

Perjanjian Damai ditandatangani antara Israel dan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) yang berada di Lubnan. Tetapi Ariel Sharon masih mahu menyerang Lubnan.

## 3 Jun 1982

Abu Nidal membunuh duta Israel di London. Walaupun PLO dan Lubnan tidak terlibat dengan pembunuhan itu, Israel menyerang Lubnan dengan serangan darat sebanyak 200,000 tentera. Mereka membunuh ramai rakyat Palestin di kem pelarian mereka. 30,000 orang Arab terbunuh.

## 18 September 1982

Pembunuhan beramai-ramai Sabra dan Shatila berlaku. Kumpulan militan Phalange Kristian Lubnan, iaitu sekutu Ariel Sharon dan Israel, diperintahkan oleh Sharon untuk menghapuskan semua pelarian Palestin di kem pelarian Sabra dan Shatila di Beirut, Lubnan. 2,750 orang terbunuh.

## 1990

Ketika Intifada Pertama menyatukan umat Islam dengan Hamas, Israel dan AS ingin menyemak kemajuan mereka dengan membenarkan PLO kembali ke Palestin.

## 18 September 1987

Intifada Pertama bermula. 'Intifada' bermaksud 'melepaskan diri' dan pemberontakan ini adalah kerana rakyat Palestin yang memprotes dan menyatakan ketidaktaatan awam terhadap pendudukan Israel. Israel telah menduduki Tebing Barat dan Gaza sejak 1967 dan pendatang haram Yahudi telah meningkat dan keadaan hidup di Palestin menjadi sukar. Ia dicetuskan oleh trak IDF yang merempuh sebuah kereta Palestin di Gaza yang diduduki. Ini mencetuskan bantahan. Hamas ditubuhkan.



1991



Persidangan Keamanan Madrid dijalankan ketika Intifada masih berlaku

18 September 1991

Intifada pertama berakhir. 1,095 rakyat Palestin terbunuh manakala 100 dari rakyat Israel terbunuh. Pemimpin Hamas, Shaykh Ahmed Yasin, ditangkap dan dipenjarakan seumur hidup pada 1989.




1993

Pengisytiharan Prinsip Prinsip termeterai di Oslo (juga dikenali sebagai Perjanjian Oslo Accord I), diantara Kerajaan Israel diketuai oleh Yitzhak Rabin, dan PLO, dimana tertubuhnya rangka kerja yang menyatakan Palestin akan mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara dan sebagai balasan, mereka akan diberi Perjanjian Pentadbiran Sendiri Sementara di Tebing Barat selama 5 tahun. Israel bersetuju untuk menarik diri dari Tebing Barat dan Gaza dalam Deklarasi, tetapi penduduknya akan dibenarkan untuk 'bebas' menggunakan jalan raya di Gaza dan Tebing Barat. Israel gagal mematuhi tarikh 13 Disember. Rakyat Palestin yang berharap untuk perdamaian sangat bersemangat kerana mereka mungkin akan mendapatkan kembali Tebing Barat dan Gaza.



4 November 1995

Rakyat Israel, termasuk Netanyahu (belum menjadi PM pada masa itu) dan Sharon (belum menjadi PM pada masa itu), tidak berpuas hati dengan Perdana Menteri mereka, Rabin, kerana rundingan perdamaian dengan PLO, terutamanya Perjanjian Oslo I dan Perjanjian Oslo II. Beliau dibunuh oleh seorang Yahudi ekstremis.



24 September 1995

Perjanjian Oslo II ditandatangani, sebuah perjanjian perdamaian lanjutan antara Israel dan PLO. Mereka memisahkan Tebing Barat menjadi tiga kawasan, A, B, dan C. Matlamatnya adalah para perunding utama Israel, mereka tidak mempunyai niat untuk membentuk kerajaan Palestin di Tebing Barat atau Gaza.



25 Februari 1994

Berlaku pembunuhan di Masjid al-Khalil. Baruch Goldstein, seorang penempatan Yahudi, memasuki Masjid Ibrahim sewaktu solat subuh dan membunuh 69 orang Muslim. Beliau dipuji sebagai seorang hero oleh penempatan Israel.



Mei 1996

Benjamin Netanyahu menjadi Perdana Menteri. Beliau menjelaskan bahawa beliau tidak mempunyai niat untuk mengikuti Perjanjian Oslo. Perjanjian tersebut mengkehendaki Israel untuk menarik diri sebanyak 50% dari Tebing Barat, tetapi Netanyahu menawarkan 13%.



24 September 1996

Netanyahu mengarahkan pembinaan terowong yang akan dibina sepanjang Tembok Buraq (Tembok Ratapan/Tembok Barat). Ini merupakan provokasi langsung dan rakyat Palestin memprotes. sebagai balasan, orang Israel membunuh 70 orang Palestin.



17 Mei 1999

Netanyahu kalah dalam pilihan raya dan Ehud Barak menjadi Perdana Menteri. Beliau dipuji sebagai penyelamat Perjanjian Oslo. Tetapi dalam ucapan pertamanya, beliau mengatakan bahawa tidak akan ada konsesi di Tebing Barat. Beliau juga menyatakan bahawa tiada penempatan Israel akan dikeluarkan dari Gaza atau Tebing Barat.



April 2002

Pembinaan tembok yang memisahkan Tebing Barat daripada Israel dimulakan, dengan itu memisahkan kampung-kampung Palestin daripada tanah Israel yang diambil pada tahun 1948. 85% daripada tembok itu terletak di dalam Tebing Barat, iaitu mengurangkan saiz Tebing Barat dan menjadikannya di bawah kawalan penuh Israel. Penduduk Palestin yang berada di dalam tembok tersebut terpaksa melalui sekatan dan berurusan dengan penduduk penempatan Israel setiap hari di dalam Tebing Barat. Tembok ini dikutuk secara meluas, termasuk oleh Blair dan Bush.



September 2000

Intifada Kedua bermula apabila pemimpin pembangkang, Ariel Sharon, membuat lawatan provokatif ke Masjid al-Aqsa bersama 1,000 tentera Israel. Tindakan ini dengan sengaja mencetuskan protes rakyat Palestin. Ariel Sharon kemudiannya terpilih sebagai Perdana Menteri oleh rakyat Israel pada tahun berikutnya, iaitu pada tahun 2001.



## September 2004

Intifada Kedua berakhir. 3,334 orang Palestin terbunuh, termasuk 12 orang wartawan. Kematian yang paling menyayat hati adalah pembunuhan Muhammad al-Durra yang berusia 12 tahun, yang cuba dilindungi oleh bapanya, namun kanak-kanak itu terbunuh. 75% penduduk Palestin di Gaza hidup di bawah garis kemiskinan. Sheikh Ahmad Yaseen, pemimpin Hamas, dibunuh awal tahun tersebut, dan Yasser Arafat, pemimpin PLO, juga meninggal dunia. Arafat digantikan oleh Mahmoud Abbas.

### 2005

Dalam langkah yang tidak dijangka, Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon, secara sepihak memutuskan untuk memindahkan penduduk Yahudi dari Gaza. Israel mengenakan sekatan sekitar



### 26 Januari 2006

Pilihan raya demokratik diadakan di Gaza. Hamas memenangi pilihan raya tersebut. Banyak pakar politik menyatakan bahawa pilihan raya tersebut adalah adil. Walaupun begitu, Amerika Syarikat, Eropah, dan Israel tidak gembira dan mengenakan sekatan berat ke atas Gaza. Mereka meningkatkan serangan tentera ke atas Gaza dan menangkap sepertiga kabinet Palestin yang dipimpin oleh Hamas. Tebing Barat masih dijajah.



### 31 Mei 2010

Konvoi antarabangsa enam kapal berlayar dari Turki, membawa bantuan yang sangat diperlukan ke Gaza. Tentera laut Israel menaiki MV Mavi Marmara dan melancarkan serangan mematikan yang mengakibatkan kematian 9 warganegara Turki. Awalnya, Israel cuba menafikan sebarang kesalahan, tetapi apabila tidak berjaya, mereka memohon maaf kepada Turki.



### Disember 2008

Israel melancarkan 'Operation Cast Lead' di Gaza. Ini diikuti dengan pencerobohan darat sepenuhnya. 1,400 orang Palestin terbunuh. Israel menggunakan bom fosforus terhadap sebuah sekolah PBB. Pada hujung Disember, stok makanan dan ubat-ubatan di Gaza mencapai tahap terendah sepanjang masa. Pada tahun berikutnya, Benjamin Netanyahu menjadi Perdana Menteri untuk kali kedua.



### Julai 2006

Selepas Hezbollah, sebuah organisasi politik di Lubnan, menawan dua tentera Israel, menjadikannya alasan untuk menyerang Lubnan sekali lagi. Mereka melancarkan pencerobohan darat dan membunuh 1,000 orang awam Lubnan. Amerika Syarikat dan Eropah tidak menyeru untuk gencatan senjata sehingga berlaku pembunuhan Qana di mana Tentera Udara Israel mengebom sebuah bangunan tiga tingkat yang membunuh 56 orang awam.



### 2012

Pada bulan Mei, Israel melancarkan 'Operasi Pilar Pertahanan' ke atas Gaza. Dalam serangan itu, empat remaja berumur 16 hingga 18 tahun turut terbunuh di sebuah stadium sukan. Operasi ini berlangsung selama 7 hari. Semasa operasi tersebut, berlaku pembunuhan keluarga al-Dalu di mana seluruh keluarga penduduk Gaza, Jamal Mahmoud, dilenyapkan. Pada bulan November, PBB meluluskan resolusi untuk mengiktiraf negara Palestin.



### Januari 2014

Walaupun usaha untuk mencapai perdamaian, Israel meluluskan rancangan pembinaan 1,400 unit penempatan Yahudi tambahan di Tebing Barat dan Timur Jerusalem. Para perunding Palestin pada dasarnya telah kehilangan sebarang harapan perdamaian.



### April 2014

Mahmoud Abbas (wakil PLO) menandatangani perjanjian untuk membentuk kerajaan perpaduan dengan Hamas. Netanyahu menggunakan ini sebagai alasan untuk menyatakan bahawa Israel tidak akan berunding dengan kerajaan Palestin yang disokong oleh Hamas, walaupun beliau tidak mahu perbincangan perdamaian dari awal, kecuali jika melibatkan kawalan oleh Israel.



### 7 Oktober 2023

Hamas melancarkan serangan mengejut ke atas Israel dari Gaza dan membunuh 1,400 warga Israel dalam 'Operasi Gempa Bumi Masjid al-Aqsa'. Sebagai balasan, Israel melancarkan 'Operasi Pedang Besi' yang setakat ini telah mengorbankan 6,500 nyawa Palestin.



### 2022

Setelah digulingkan dari jawatan Perdana Menteri pada tahun 2021, Benjamin Netanyahu dipilih untuk kali ketiga, menjadikan beliau Perdana Menteri yang paling lama dalam sejarah Israel Zionis.



### Jun 2014

Setelah perjanjian antara PLO dan Hamas, Israel mencari ruang untuk membalas dendam. Apabila sebuah kumpulan individu Hamas menculik dan membunuh tiga remaja Israel, Israel melancarkan 'Operation Protective Edge' merupakan gabungan serangan udara dan pencerobohan darat ke Gaza yang berlangsung selama 50 hari. 1,391 orang Palestin terbunuh. Kejadian yang paling menyayat hati adalah pembunuhan 4 kanak-kanak di pantai Gaza.

